

## **Respon Kepada Laporan Sinar Harian**

### **'Tarikh Kutipan Tol LPT2 ditunda'**

Merujuk kepada Laporan Sinar Harian 'Tarikh Kutipan Tol LPT2 ditunda' yang disiarkan pada 20 Ogos 2015 adalah tidak tepat, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Pusat belum menentukan tarikh kutipan tol di LPT2. Pada masa kini Kerajaan Pusat dalam peringkat akhir memuktamadkan Perjanjian Konsesi bagi penswastaaan LPT2. Pengumuman akan dibuat setelah perjanjian Konsesi dimuktamadkan.

Dimaklumkan juga bahawa tiada kerja-kerja menaik taraf laluan di sepanjang lebuhraya kerana pembinaan telah disiapkan sepenuhnya. Hanya terdapat beberapa kerja pembaikan kecil sedang dijalankan untuk memberi keselesaan kepada pengguna lebuhraya.

Merujuk kepada kemalangan yang meningkat, faktor manusia menyumbang 85% punca kemalangan berlaku yang antaranya adalah memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi hadlaju terutamanya diwaktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan adalah punca utama kemalangan yang berlaku di LPT2. Lembaga Lebuhraya Malaysia menasihati para pengguna lebuhraya supaya berhati-hati ketika memandu, sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan dan cergas ketika memandu. LPT2 telah menyediakan kawasan rehat dan

rawat serta hentian sebelah untuk pengguna lebuhraya berehat seketika sebelum meneruskan perjalanan.

Berhubung isu keselamatan pengguna lebuhraya LPT2 pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) / Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dan akan mengambil beberapa tindakan disepanjang lebuhraya seperti meningkatkan kekerapan rondaan oleh pasukan peronda LPT2, membaik pulih pagar rizab lebuhraya yang rosak serta bekerjasama dengan pihak PDRM, JPJ dan SPAD dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang di sepanjang LPT2.

**Ketua Pengarah  
Lembaga Lebuhraya Malaysia  
25 Ogos 2015**